

# BULETIN ATMA

Bil. 6 | ISSN: 1985-5656 | 2016

## MEMBUANA ATMA DI JAGAT RAYA

Oleh Farah Farzana Rasol,  
Muhamad Shafiq Mohd Ali,  
Mohd Faizal Musa &  
Suhaini Md Noor

**LONDON:** Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu 2016 berlangsung selama dua hari (19-20 September 2016) menyaksikan bagaimana sebuah impian untuk mengetengahkan dan memperkasakan Pengajian Melayu di peringkat antarabangsa direalisasikan. Persidangan ini menyediakan platform untuk pembentangan 46 buah kertas hasil penyelidikan dari tujuh tema berbeza iaitu Bahasa & Kesusastraan, Sejarah, Budaya & Warisan, Manuskrip, Pendidikan Bahasa Melayu, Sains & Teknologi, Peradaban Islam dan Epistemologi Melayu.

Turut dikongsi bersama adalah lima pembentangan pleno oleh YBhg. Prof. Dr. Nor Hashimah, Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA, UKM), YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Md. Salleh Bin Yaapar, Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Dr. Ben Murtagh, Pengerusi Bersama persidangan ini dari SOAS,



University of London dan dua ahli Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) iaitu YBhg. Prof. Dr. Arndt Graf dari Goethe Universitat, Frankfurt serta Prof. Madya Dr. Laurent Metzger dari PrepAsia, La Rochelle, Perancis.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Penasihat Sosio-Budaya Kerajaan Malaysia telah menyampaikan ucap utama yang bertajuk Cabaran Pengajian Dunia Melayu & Tamadun Islam dan seterusnya merasmikan persidangan ini. Beliau menyatakan persidangan ini adalah yang pertama mengenai pengajian Melayu diadakan di kotaraya London semenjak beberapa dekad yang lalu. Di dalam ucap utama beliau, beliau telah mengupas dan membangkitkan persoalan yang perlu difikirkan bersama oleh pusat-pusat pengajian Melayu seluruh dunia iaitu bagaimana bahasa, sejarah dan seni budaya Melayu dapat diasuh semula supaya menjadi sama penting dengan bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.



YAB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor yang turut menyampaikan ucap utama di majlis penutup, menyatakan tamadun Melayu sememangnya mempunyai tarikan global dan ia mestii terus dibangunkan selari dengan perkembangan pesat dunia Melayu itu sendiri.

**BANDUNG:** Sementara itu, Seminar Antarabangsa Ke-9 Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekutaran di Alam Melayu telah diadakan pada 2 hingga 4 Ogos 2016 di Hotel Bandung, Jawa Barat, Indonesia. Seminar ini dianjurkan oleh Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), UKM dengan kerjasama Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik dan Fakultas Perikanan & Ilmu Kelautan Universitas Riau dengan bantuan Universitas Padjajaran, Universitas Winaya Mukti, Universitas Islam Nusantara dan universitas Bale Bandung. Seminar dihadiri oleh 100 orang pembentang dan 300 orang peserta yang datangnya daripada rantau Nusantara seperti Malaysia, Indonesia, Kemboja dan Singapura. Antara pengucap tama seminar ini adalah Prof. Dr. Abdul Latif Samian (ATMA) dan Prof Madya Dr. Seow Ta Wee dari Malaysia, Prof. Dr. Sujianto dan Prof. Dr. Yayat Dhahiyat dari Indonesia, dan Prof. Dr. THUY Chanthourn dari Kemboja.

**MAKASSAR:** Seminar Antarabangsa ke-5 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 5) sekali lagi berjaya dianjurkan. Bumi




Makassar, Sulawesi Barat, Indonesia menjadi medan pertemuan hampir 500 peserta dan seramai 200 orang pembentang kertas kerja dalam persidangan yang berlangsung selama 2 hari iaitu pada 25-27 Julai 2016 di Hotel Karebosi Condotel, Makassar. Persidangan anjuran ATMA dan Universitas Hasanuddin Makassar ini telah berjaya menerbitkan 160 makalah penyelidikan pelbagai bidang dan tema yang mengupas alam dan Melayu. Menariknya, delegasi Malaysia ke Makassar dirai penuh meriah dalam dua majlis makan malam yang dianjurkan oleh Wali Kota dan Rektor Universitas Hasanuddin. Pemakalah dan peserta ASBAM 5 diberi penghormatan di kediaman rasmi Ibu Rektor Universitas Hasanuddin Makassar, Prof. Dr. Dwia Aries Tina Palubuhu. Dalam ucapan beliau, Ibu Rektor menyatakan kekesalan kerana khazanah



alam Melayu kebanyakannya berada di luar rantau ini. Beliau turut menyelar segelintir sarjana lantaran terhegeh-hegeh mengemis perhatian pihak yang tidak sepatutnya. Fenomena ini pernah disebut oleh mantan Felo Utama ATMA, Profesor Dr Syed Hussein Alatas lebih satu dekad lalu sebagai ‘minda tertawan’.

**SINGAPURA:** Dr Mohd Faizal Musa yang kini menjadi Felo Pelawat di National University of Singapore (NUS) telah diberi penghormatan memberi Kuliah Cita Seni anjuran The Art House (Balai Seni Nasional Singapura). Beliau menyampaikan kuliah berjudul ‘The Art of Resistance in Malay Fiction’ pada 29 Oktober 2016. Kuliah



## Cita Seni

The Art of Resistance in Malay Fiction

29 Oct • 11.30am–1pm  
Screening Room

Please register at [theartsouse.org/events/citaseni](http://theartsouse.org/events/citaseni)  
The session will be conducted in English.  
This edition of Cita Seni features Dr Faisal Tehrani, the current writer-in-residence at the NUS-AAC Writing Residency. His interest in human rights and dissent led him to an illustrious writing career that has spanned over two decades, producing works that have been highly lauded and met with controversy. Tehrani will share more on his career as well as his thoughts on Malay literature. Cita Seni is co-presented by The Art House and the NUS Department of Malay Studies.

THE ARTS  
HOUSE

NUS  
National University of Singapore

tersebut merupakan inti pati kajian di bawah kod FRGS/2/2013/SS03/UK M/03/2. Meskipun syarahan beliau jatuh pada hari cuti Deepavali, ia mendapat sambutan hangat lebih dari seratus hadirin terdiri dari kalangan sarjana, aktivis hak asasi manusia, seniman, dan sasterawan republik tersebut.

# SELAMAT MAJU JAYA NATSUKO DAN HIRUTO

Oleh Dr Junaini Kasdan



Manja dengan panggilan Nana dan Hiro, dua pelajar Kursus Intensif Keterampilan Bahasa Melayu (KIKBM) tajaan Daihatsu, Jepun ini akhirnya berjaya menamatkan kursus bahasa Melayunya dengan prestasi yang sangat membanggakan. Bermula dengan tahap 1 mereka bertatih, sedikit demi sedikit mempelajari, mengingat dan menuturkan ungkapan-ungkapan bahasa Melayu tanpa rasa jemu dan segan. Ketika berada pada tahap 4, mereka sempat menyuarakan bahawa mereka kurang yakin untuk dapat bertutur bahasa Melayu dengan baik sebagaimana yang diharapkan. Namun menurut Natsuko, selepas memasuki tahap 5, “saya seperti mendapat keyakinan yang luar biasa dan tiba-tiba saya boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Ramai orang yang tak sangka pun saya orang Jepun apabila saya bertutur. Mereka ingat saya orang Malaysia”. Hal ini terbukti ketika mereka membentangkan tugas akhir mereka di hadapan khalayak yang terdiri daripada pensyarah, guru bahasa serta Pelajar pascasiswazah ATMA. Dengan nada bersahaja dan penuh yakin, Natsuko memilih tajuk “Perayaan tahun baru di Jepun”, manakala Hiruto memilih tajuk “Tuhan tandas” untuk dikongsikan kepada peserta yang hadir. Kini, wanita berasal dari Osaka, Jepun ini bertugas di Daihatsu (Malaysia) Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor, manakala Hiruto bertugas di Syarikat Perodua, Rawang, Selangor.

## WACANA BERSIRI 2016 MANUSKRIP *AHLILLAH* ALAM MELAYU

Oleh Ahmad Bazri Mokhtar



Manuskrip Melayu yang berunsur *ahlilLah/tasawwuf/tarekat* adalah di antara manuskrip terbanyak disimpan di Pusat-pusat Repositori yang kurang diketengahkan kepada masyarakat dewasa ini. Justeru, Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM-ATMA), bertanggungjawab memainkan peranan pro aktif membuat penyelidikan terhadap manuskrip tersebut mengikut acuan iklim ketimuran bagi menjawab persoalan semasa yang masyarakat hadapi dewasa ini. Kajian Kod II-2016-002 Penyelidikan Manuskrip *AhlilLah* Alam Melayu ini telah dilakukan bersama dengan beberapa ahli penyelidik/akademik yang berijazah tarekat rohani rasmi, dalam dan luar negara dan hasilnya telah dibentang di dalam Wacana Bersiri 2016 Manuskrip AhlilLah Alam Melayu - peringkat antarabangsa yang diadakan 5 kali sepanjang tahun dengan melibatkan 10 orang ahli penyelidik/pembentang. Wacana Bersiri ini adalah dianjurkan oleh PPMAM-ATMA bekerjasama dengan Pusat Islam UKM, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Dijangka hasil penyelidikan ini akan menjadi garis panduan kepada kerajaan dan masyarakat umumnya. Kesemua kertas kerja pembentangan ini akan dijadikan bab dalam buku dan akan diterbit oleh pihak Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).

# PISTEMOLOGI KITAB TIB MELAYU MERIAH

Oleh Anuar Ahmad Mohd Taqi

Perbincangan epistemologi berkait dengan beberapa persoalan seperti asal sesuatu ilmu, bagaimana mendapat ilmu, sifat-sifat ilmu dan sebagainya telah dibentangkan oleh Dr. Nasrin Mohamad Nasir, Felo Penyelidik ATMA pada 31 Mac 2016 di Bilik Wacana ATMA. Dalam wacana ini beliau berbicara mengenai epistemologi Kitab Tib Melayu dan apakah perkara atau falsafah yang mendasari penulisan Kitab Tib Melayu. Kitab Tib Melayu adalah merujuk kepada sekumpulan penulisan yang berkait dengan cara orang Melayu mengubati beberapa jenis penyakit. Dalam pengkajian beliau sebanyak 80 buah manuskrip yang berkisar Tib beberapa perkara telah ditemui dan telah dibentangkan di dalam wacana ini. Kebanyakan manuskrip adalah yang tulis pada abad ke-18 sehingga abad ke-19. Dr. Nasrin melalui wacana ini telah berusaha untuk memberi suatu kefahaman mengenai falsafah ‘Tib Melayu’ yang telah lama terpendam. Ia juga menyumbang ke arah projek yang lebih besar iaitu sebuah survei terhadap kepelbagaian epistemologi Melayu silam. Sebagai kesimpulan hasil penyelidikan ini telah mendedahkan kepelbagaian pendekatan dalam metode perubatan dan perkripsi perubatan bagi orang Melayu masa lalu. Didapati falsafah perubatan orang Melayu banyak dipengaruhi unsur dari perubatan Islam dan tamadun Asia. Wacana beliau mendapat sambutan hangat.



## PERISTILAHAN DAN MASYARAKAT

Oleh Anuar Ahmad Mohd Taqi

Peristilahan dan Masyarakat: Cabaran Masa Kini ialah isu yang telah dibentangkan oleh Dr. Junaini Kasdan, Felo Penyelidik ATM, di bilik Wacana ATMA Institut Alam dan Tamadun Melayu pada 26 Mei 2016 yang lalu. Dr. Junaini Kasdan dalam wacana ini telah berbicara secara tuntas berhubung sejarah, peranan dan tindakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), badan yang diberi mandat menyelaras, membentuk, mencipta dan membakukan istilah dalam bahasa kebangsaan. Isu yang dibincangkan merangkumi tanggapan masyarakat berhubung istilah dan keengganan menggunakan istilah dengan pelbagai alasan. Dr Junaini Kasdan di sesi soal jawab telah memberikan penjelasan tentang beberapa persoalan yang berkaitan peristilahan bahasa Melayu dan cabarannya masa kini.

# PENGENALAN ARKEOLOGI MARITIM

Oleh Profesor Madya Dr Asyaari Muhamad

Malaysia Trengganu dan beberapa agensi yang berkaitan. Dapatkan kajian mencungkil banyak maklumat berhubung kapal, teknologi pembuatan kapal itu serta barang kargo yang dibawa oleh kapal karam tersebut. Kajian salvage dan ekskavasi sebenar akan dilakukan pada tahun 2017 sekiranya mendapat sokongan berbentuk kewangan, peralatan dan kepakaran yang mencukupi. Dr. Asyaari Muhamad yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Tapak Arkeologi & Kebudayaan Bawah Air dan Ahli Jawatankuasa Penilai Pampasan Objek & Objek Warisan Ketara yang dilantik Jabatan Warisan Negara di akhir wacana turut melahirkan kebimbangan berhubung aktiviti menjarah khazanah purba ini oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan komersial.

Wacana bertajuk ‘Arkeologi Maritim di Perairan Malaysia: Penemuan Kapal Karam Purba di Perairan Pulau Bidong’ oleh Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad, Felo Penyelidik Kanan telah diadakan pada 8 September 2016 di Bilik Wacana ATMA. Wacana selama hampir dua jam itu merupakan hasil penyelidikan terkini Dr. Asyaari Muhamad bersama-sama kumpulan penyelidik dari Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti



## MENGENAI ‘PERMASALAHAN MELAYU’

Oleh Anuar Ahmad Mohd Taqi



Siri Wacana ATMA telah diadakan pada 18 Oktober 2016 di Bilik Wacana ATMA UKM. Wacana kali ini bertajuk Permasalahan Melayu telah disampaikan oleh Prof. Dr. Abdul Latif Hj. Samian, mantan Pengarah ATMA ke-8 (2008-2013) yang juga merupakan Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah mendefinisikan orang Melayu sebagai “orang awal dan keturunan mereka yang berkerjaan di Asia Tenggara dan sekitarnya”. Fokus wacana ini adalah kepada tiga aspek permasalahan Melayu dalam konteks hubungan orang Melayu dengan agama Islam iaitu tentang aksiologi Melayu, pemikiran akal budi saintifik serta sari masyarakat Melayu profesional. Perbincangan tentang tiga aspek tersebut berteraskan kepada pendirian kefalsafahan bahawa manusia mempunyai potensi untuk merubah diri berdasarkan kepada keyakinannya. Persoalannya, apakah yang wajar menjadi asas kepada tiga perkara itu? Satu penyelesaian yang diketengahkan adalah mengambil kira keyakinan terhadap adanya tahap-tahap realiti yang mendasari matriks nilai kemelayuan. Wacana kali ini turut dihadiri oleh ahli akademik, wakil dari DBP, wakil dari persatuan/pertubuhan dan individu dari luar UKM.

# **PERTANDINGAN MENCINTA VIDEO INTERAKTIF BAHASA MELAYU ASAS**

Oleh Puan Sri Yanti Mahadzir

ATMA melalui geran penyelidikan dibawah FRGS sedang mengadakan pertandingan mencipta video interaktif Bahasa Melayu Asas untuk penutur asing yang bermula pada 15 September 2016 hingga 15 Disember 2016. Para pelajar, pengkarya kreatif, pemartabat dan pencinta Bahasa dan budaya Melayu yang berwarganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas adalah dijemput untuk turut menyertai pertandingan ini bagi memenangi 10 hadiah utama berserta sijil kemenangan. Video yang dihantar perlulah berbentuk 'Perbualan Sehari-harian masyarakat Melayu di Malaysia mengikut situasi tertentu', (mengikut 10 tema yang telah ditetapkan) berdurasi 3-5 minit dengan bertemakan 'Memartabatkan Bahasa Melayu ke Persada Antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, sila lawati: <http://www.ukm.my/kitbm>

## **SARI PENYELIDIKAN CHONG SHIN : BAHASA DAN IDENTITI PENAN MUSLIM DI SUAI-NIAH**



Dalam konteks Borneo Barat (Kalimantan Barat, Indonesia dan bahagian Barat Sarawak), pemelukan agama Islam adalah sinonim dengan "masuk Melayu". Kes-kes seumpama ini boleh dirujuk dalam kajian seperti Victor T. King, Yusriadi, Enthoven dan sebagainya. Contohnya suku Iban di Sungai Buah dan Dayak di Embau, Kapuas Ulu telah memilih identiti Melayu dan berbahasa Melayu setelah beragama Islam. Begitu juga dengan suku Melanau di Sarawak, setelah beragama Islam, ramai di kalangan mereka mengakui diri sebagai "orang Melayu" dan berbahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Berdasarkan fenomena ini, satu hipotesis dapat dirungkai, iaitu: "agama Islam berperanan sebagai penentu pemilihan identiti dan bahasa Melayu di Borneo Barat". Sejauh manakah hipotesis ini diaplikasi di alam Borneo? Data yang diperoleh dari komuniti Penan Muslim di bawah projek FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/8 kelihatan menolak hipotesis ini. Suku Penan Muslim yang tinggal di lembah Suai dan Niah pada asalnya adalah suku nomadik di pedalaman

Sarawak. Sekitar awal abad ke-20, mereka telah berpindah ke pesisir pantai dan secara beransur-ansur memeluk agama Islam, terutamanya melalui perkahwinan dan jalinan kekerabatan. Kini mereka tinggal menetap di kampung seperti Kampung Suai Jambatan, Kampung Iran, kampung Tanjong Belipat dan sebagainya. Berlainan dengan komuniti convert lain di Borneo Barat, suku Penan Muslim tidak berbahasa Melayu bahkan tidak membawa identiti Melayu setelah beragama Islam. Sungguhpun demikian, pemilihan bahasa mereka tetap bersandarkan faktor keagamaan. Dalam hal ini, mereka memilih bahasa Bintulu, yakni salah satu "bahasa muslim" di lembah Kemenyong (Bintulu) yang berdekatan. Memang wujud bahasa dominan lain seperti bahasa Iban di daerah ini, namun oleh kerana bahasa ini adalah kategori "bahasa non-muslim", maka bahasa Bintulu yang mencerminkan imej Islam telah dipilih oleh mereka. Kini, setelah tiga atau empat generasi beragama Islam, bahasa Penan hanya dikuasai oleh golongan berusia sahaja. Golongan muda sebaliknya berbahasa Bintulu sebagai bahasa interaksi di rumah dan di kampung.

# Keuletan

- A. Pada 19 - 21 Oktober 2016 lalu bertempat di Avillion Admiral Cove, Port Dickson, ATMA menganjurkan sesi Atur Cara Bengkel Pemikiran Kreatif dan Inovatif. Ia merupakan bengkel tahunan bagi pembangunan kakitangan pengurusan dan pentadbiran.



- B. ATMA ikut terlibat dalam acara Bulan Bahasa Kebangsaan 2016. Pada 13 Oktober 2016, berlokasi di Dewan Utama Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor, ATMA diketuai oleh Profesor Nor Hashimah menyertai Karnival Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Sektor Pendidikan.



- C. Pada Majlis Konvokesyen ke-44 UKM baru-baru ini tujuh orang graduan ATMA telah dilahirkan. Empat graduan Ijazah Doktor Falsafah dan tiga orang graduan Ijazah Sarjana menerima penghormatan atas usaha keras mereka pada 5 dan 7 November 2016 yang lalu. Salah seorang graduan Ijazah sarjana berasal dari Brunei Darussalam. Sebelumnya Majlis Pemakaian Jubah Graduan ATMA dianjurkan pada 3 November 2016.



- D. ATMA kerap menerima lawatan dari institusi pendidikan luar, salah satunya adalah dari Universitas Muhammadiyah Profesor Dr Hamka, Indonesia pada 26 Mei 2016.



- E. Sukacita dimaklumkan bahawa ATMA memenangi Pertandingan Poster Kad Ucapan Raya Digital 2016.



- F. Tanggal 1 hingga 4 Disember 2016, ATMA telah terlibat sebagai rakan penganjur dalam Putrajaya International Islamic Arts and Culture Festival di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Acara bertaraf dunia yang bertemakan tekstil dan budaya Islam melibatkan aktiviti demonstrasi dan pameran penghasilan produk tekstil termasuklah jilid Al-Quran, khat, pakaian, tengkolok, ikatan samping, seni tekat, sulaman dan lain-lain dari Malaysia serta negara-negara Timur Tengah. Menariknya, ATMA julung kalinya diberi peluang membuka satu-satunya reruai sudut pendidikan kanak-kanak dengan mengetengahkan aktiviti permainan tradisional batu seremban, mewarna batik serta aktiviti kreatif kanak-kanak.



# Alumni ATMA

Buletin ATMA kali ini ingin memperkenalkan pembaca kepada salah seorang alumni unggul ATMA. Dr Antonia Soriente beroleh ijazah Doktor Falsafah dari ATMA pada tahun 2003 dengan kajian berjudul 'A Classification of Kenyah Variants in Sarawak and Kalimantan'. Beliau berasal dari Itali dan kini bertugas di Università degli Studi di Napoli L'Orientale. Setelah satu dekad, dalam tahun 2013 beliau kembali ke ATMA untuk membentangkan penyelidikan terkini beliau berjudul "Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Komuniti Kenyah dan Punan Borneo." Dr Soriente fasih berbahasa Melayu dan aktif dalam pelbagai lapangan budaya di Indonesia. Foto dicuplik dari FB Dr Antonia Soriente.



Kami mengalu-alukan sumbangan awam menerusi Dana Wakaf Ilmu UKM. Sila salurkan budi baik anda tersebut melalui <http://give2ukm.ukm.my>. Pilih ATMA setelah mengetik pautan tersebut.



## SIDANG EDITORIAL BULETIN ATMA

**Ketua Pengarang:**  
Dr. Mohd Faizal Musa

**Pengarang:**  
Cik Suhaini Md. Noor  
Encik Ahmad Bazri Mokhtar  
Encik Muhamad Shafiq Mohd Ali  
Puan Farah Farzana Rasol  
Encik Anuar Ahmad Mohd Taqi  
Puan Sri Yanti Mahadzir

**Juru Taip:**  
Encik Mohd Hafiz Md. Hussain

**Maklumat Lanjut Sila Hubungi**  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor

**Tel :** 03-89215280 / 4737  
**Faks :** 03-89254698  
**E-mel :** pghatma@ukm.edu.my/ppatma@ukm.edu.my  
**Laman Web :** <http://www.ukm.my/atma/>